

SYARIKAT LIMARODA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

RANCANGAN PERNIAGAAN

ASAS KEUSAHAWANAN ETR 300

SYARIKAT LIMARODA

DISEDIAKAN UNTUK:-

ENCIK SHAMSUDIN HUSIN

PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH:-

MALEK AL-AZIZ SULAIMAN

MUHAMMAD NIZAM MUSA

NOR FAEZAL NORDIN

WAN FARAHUNA WAN OTHMAN

YUSNITA ELINDA HAJI YUSOFF

KAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

21 OKTOBER 1996



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 15hb Ogos 1996

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,


Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Malek Al-Aziz Sulaiman	94651544
2.	Yusnita Elinda Hj Yusoff	94624618
3.	Wan Farahuna Wan Othman	94397169
4.	Norfaezal Mohd Nordin	94456092
5.	Muhammad Nizam Musa	94552991

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,


NASIR NORDIN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka
b/p Pengetua

Ketua Projek ETR 300
Diploma Pengajian Perniagaan
Semester 05
ITM Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Encik Shamsuddin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

10 September 1996

Tuan

Laporan Rancangan Perniagaan " LIMARODA "

Merujuk kepada perkara di atas, kami telah dimaklumkan untuk menyediakan satu Laporan Rancangan Perniagaan mengenai syarikat penjualan tayar celup kami iaitu " LIMARODA "


2. Tujuan mengadakan rancangan Perniagaan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi mata pelajaran KEUSAHAWANAN (ETR 300) . Matapelajaran ini perlu dilalui oleh semua pelajar bahagian 5 untuk menyempurnakan diplamanya dalam tahun akhir pengajian.

3. Kami juga telah diarahkan oleh pensyarah untuk menghantar Laporan Rancangan Perniagaan ini pada 18 Oktober 1996.

4. Kami memilih perniagaan ini kerana kami merasakan bahawa ianya mempunyai potensi untuk maju. Moga apa yang kami sediakan ini menepati kehendak matapelajaran

Sekian, terima kasih

Yang benar,




.....
(Malek Al Aziz Sulaiman)



.....
(Mohd Nizam Musa)

.....
(Nor faezal Nordin)



.....
(Yusnita Elinda Hj. Yusoff)



.....
(Wan Farahuna Wan Othman)

1.0 PENGENALAN

LIMARODA di tubuhkan sebagai sebuah syarikat bumiputra yang bersaing dengan syarikat bukan bumiputra dalam industri penjualan tayar celup yang di kuasai sepenuhnya oleh bukan bumiputra. Selain itu syarikat ini juga bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan untuk golongan sederhana.

LIMARODA telah ditubuhkan pada Disember 1999 dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2000. Syarikat ini memasarkan tayar celup bagi kegunaan semua jenis lori yang menggunakan tayar saiz 20" dan juga bas kilang serta lori pickup. Selain daripada itu tiub dan pelapik juga di jual sebagai bahan keperluan semasa penggantian tayar.

Kebajikan pelanggan adalah satu keutamaan bagi syarikat ini dan memastikan pelanggan mendapat segala kehendak mereka adalah satu perkara yang penting.

Konsep yang di ketengahkan oleh syarikat kami ialah pemasangan secara konsisten dan sistematik dimana kami menyediakan tempat pemasangan yang luas yang boleh memuatkan tiga buah lori treler atau bas kilang bagi satu masa. Dimana masa menunggu bagi pelanggan dapat di kurangkan dan lebih banyak pemasangan dapat dilakukan. Kami berharap agar lebih banyak lagi syarikat seperti ini dapat di tubuhkan kerana kami percaya konsep ini dapat menarik lebih ramai pelanggan lagi kerana penjimatan masa yang lebih baik berbanding dengan penjualan di kedai-kedai tayar yang hanya menggunakan keluasan yang kecil sebagai tempat pemasangan mereka.

Selain daripada itu pemilihan logo dan nama syarikat kami mempunyai maksud yang tersendiri dan unik..

1. LIMA

- Bermaksud lima ahli yang bersama menjalankan perniagaan.

2. RODA

- Bermaksud jenis perniagaan yang kami ceburi iaitu perniagaan tayar.

3. LIMARODA

- Bermaksud kami berlima bersatu hati dan tenaga dalam menjalankan perniagaan ini walaupun timbul berbagai rintangan dan halangan. Seperti umpama roda yang berputar adakala diatas dan adakalanya di bawah. Segala kesusahan dan kesenangan akan dirasai bersama.

2.0 TUJUAN

Syarikat Lima Roda adalah sebuah syarikat yang memberi perkhidmatan pemasangan tayar celup bagi lori dan bas. Tujuan sebenar syarikat ini ditubuhkan adalah untuk mengembangkan lagi penjualan tayar celup di seluruh negara. Syarikat ini ditubuhkan adalah untuk membantu golongan pemilik lori dan bas yang berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli tayar asli.

Tayar asli jauh lebih mahal daripada harga tayar celup. Dengan ini kami ingin memperkenalkan tayar celup yang bermutu dan berkualiti. Selain itu kami juga ingin memulakan perniagaan yang jarang diceburi oleh bumiputera yang lain kerana kebanyakannya perniagaan ini telah dimonopoli oleh orang asing. Jadi kami ingin mengengahkan perniagaan tayar celup ini untuk memajukan bangsa sendiri.

Syarikat LimaRoda ini ditubuhkan adalah kerana perniagaan Tayar Celup kurang mendapat sambutan daripada peniaga-peniaga yang lain. Perniagaan ini adalah mencabar dan kami ingin memulakan sesuatu yang baru dengan merentangi cabaran tersebut. Selain itu kami juga ingin mencari rezeki yang halal dan menambahkan pendapatan harian.

Jadi, matlamat atau tujuan kami yang utama ialah untuk memajukan perniagaan tayar celup ini dan membantu pemilik-pemilik lori dan bas yang berpendapatan rendah untuk membeli tayar yang bermutu dan berkualiti dengan harga yang berpatutan